

03/09/2002

`Tuntutan terhadap Sabah sudah mati'

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Sebuah akhbar di Filipina hari ini mengingatkan kerajaan negara itu supaya tidak menimbulkan semula isu tuntutan terhadap Sabah semata-mata untuk memaksa Malaysia menyediakan peluang pekerjaan kepada pendatang selatan Filipina.

Edisi online Malaya, dalam ruangan pendapatnya menegaskan bahawa Filipina harus menerima hakikat bahawa tuntutan ke atas Sabah sudah mati kerana Malaysia mempunyai maklumat kukuh untuk mempertahankan haknya.

Laporan edisi online akhbar itu dipetik sebagai berkata: "Cadangan untuk membuat tuntutan semula ke atas Sabah adalah jelas bertujuan mendapat faedah dari rundingan Filipina dengan Malaysia dalam memastikan peluang pekerjaan kepada pendatang dari Selatan (Filipina).

"Sekiranya pungutan suara rakyat dibuat ke atas Sabah sekarang, adakah kita serius merasakan bahawa penduduk negeri itu akan mengundi untuk menjadi rakyat Filipina?"

Akhbar itu menjelaskan bahawa pada tahun 1960-an, Malaysia telah mencadangkan pungutan suara rakyat dibuat di kalangan penduduk Sabah, di bawah pengawasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pada masa itu, Malaysia mendapat undi besar bagi Sabah untuk kekal di dalam Persekutuan Malaysia.

Manila Times pula melaporkan Presiden Gloria Arroyo, dijangka menemui ahli Kongres esok untuk mendapat pandangan mengenai cadangan kemungkinan Filipina membuat tuntutan baru ke atas Sabah, ekoran isu penghantaran semula pendatang tanpa izin warganya.

Sebelum ini, beberapa pihak termasuk ahli senat dan media negara itu juga melahirkan rasa tidak puas hati terhadap proses penghantaran semula warganya di sini yang didakwa mendapat penindasan ketika ditempatkan di kem tahanan di Sabah.

Bagaimanapun, Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) Malaysia menafikan sebarang bentuk penindasan atau berlaku kematian 13 anak pendatang tanpa izin negara itu di tiga pusat tahanan sementara Sabah.

Malah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut menafikan dakwaan itu menyatakan kesediaan Malaysia untuk menanggungkan urusan menghantar pulang warga Filipina, bagi membolehkan Manila menghantar wakil untuk meninjau keadaan di pusat tahanan PTI di negara ini.

Laporan Manila Times juga menyebut Arroyo, yang mengarahkan penasihat Presiden, Nur Jaafar, untuk tidak menimbulkan sebarang kontroversi berkaitan tuntutan Sabah, dan hanya melihat isu pendatang tanpa izin warganya.

Jaafar yang juga bekas Ahli Kongres Tawi-Tawi tiba di Sabah petang ini bagi meninjau keadaan pendatang tanpa izin Filipina di kem tahanan Sabah.

Sementara itu, laporan lain di Manila Times menyebut bahawa Jabatan Keadilan Filipina (DOJ) akan membantu pendatang negara itu membuat tuntutan terhadap negara ini.

Jabatan itu yang bekerjasama dengan Jabatan Hubungan Luar (DFA) Filipina, akan membuat bantahan diplomatik terhadap Kuala Lumpur.

Setiausaha Keadilannya, Hernando Perez dilaporkan berkata, DFA akan mengupah peguam Malaysia untuk membantu DOJ dalam membuat dakwaan itu.